

PENDEKATAN WASAȚIYYAH TAN SRI DATO' SERI (DR.) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA DALAM PERPADUAN UMMAH

THE WASAȚIYYAH APROOACH OF TAN SRI DATO' SERI (DR.) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA IN UMMAH UNITY

Mohamad Faizal Abd Rahman (Penulis Penghubung)

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah,

33000, Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.

E-mel: mohamadfaizal@usas.edu.my

Mohd Shafiq Sahimi

Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,

86400 Parit Raja, Johor, Malaysia.

E-mel: mohdshafiq@uthm.edu.my

Abstrak

Wasaṭīyyah merupakan keseimbangan, keadilan, kebaikan dan kesederhanaan dalam menangani pelampauan atau berlebih-lebihan dalam sesuatu perkara. Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria adalah antara tokoh yang banyak menyuarakan tentang perpaduan ummah dalam masyarakat Malaysia. Penelitian ini dijalankan bagi mengenal pasti pendekatan *wasaṭīyyah* Tan Sri Dato' Seri (Dr) Haji Harussani bin Haji Zakaria dalam perpaduan ummah. Kajian kualitatif ini menggunakan metode dokumentasi sebagai kaedah pengumpulan data. Seterusnya, data dianalisis menggunakan analisis tekstual dan induktif dalam menentukan konsep *wasaṭīyyah* pemikiran beliau. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa beberapa perkara berkaitan *wasaṭīyyah* menjadi asas kepada perpaduan ummah iaitu menghadapi perbezaan pandangan, mengutamakan proses *muzakarah* berbanding *mujadalah* dan interaksi sosial dalam masyarakat yang berbilang kaum melalui pendidikan dan paradigma ilmu dakwah semasa. Konsep *wasaṭīyyah* yang dianjurkan oleh Harussani Zakaria adalah relevan dalam menjaga keharmonian dan kestabilan dalam masyarakat tanpa mengira bangsa serta agama di samping menegakkan syiar Islam.

Kata kunci: wasaṭīyyah, Harussani Zakaria, perpaduan ummah

Abstract

Wasatiyyah is concept of balance, justice, goodness and simplicity in dealing with exceedance or excessive in certain matters or aspects. Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria was the figure who had enormously voice out about unity among Malaysians. Studies are done to identify Wasatiyyah approach by Tan Sri Dato' Seri (Dr) Haji Hurussani in creating unity among community. The study employed documentation method for data collection. The study was then analysed using textual and inductive analysis to determine Wasatiyyah concept following his thought. The results of the study indicated that few aspects related to Wasatiyyah are main sources to the unity of community and those aspects are; accepting different views, prioritise muzakarah process compared to

mujadalah, social interaction among community from different races through education and current paradigm of preaching knowledge. Wasatiyyah concept by Harussani Zakaria is relevant in taking care of harmony and stability in community regardless of races or religions alongside upraising the glory of Islam.

Keywords: *wasaṭīyyah, Harussani Zakaria, ummah unity.*

Pendahuluan

Islam sangat menitikberatkan perpaduan ummah walaupun berbeza dari sudut warna kulit, bangsa, bahasa dan budaya. Islam merupakan agama yang menentang segala perkara yang membawa kepada perpecahan. Dalam konteks masyarakat majmuk yang ada di Malaysia, konflik yang ada tidak dapat dielakkan. Namun, pengurusan konflik yang relevan dapat diselesaikan tanpa memberi kesan konflik yang negatif seperti permusuhan, kebencian, stereotaip negatif, pergaduhan dan keganasan (Mohd Anuar et al., 2018).

Perpecahan dalam kalangan umat Islam yang majoritinya Melayu sangat jelas walaupun agama Islam sangat menitikberatkan persaudaraan dan wajib mengelakkan pertelingkahan, perselisihan faham mahupun pergaduhan. Umat Islam kini bukan sahaja berpecah melalui perbezaan fahaman akidah atau perbezaan mazhab, tetapi yang paling menakutkan dan merisaukan khalayak ialah perpecahan serta percakaran akibat perbezaan ideologi pendirian politik (Noor Shakil, t.t).

Antara intelektual Islam yang banyak memberi sumbangan dalam menegakkan syiar Islam di Malaysia khususnya negeri Perak adalah Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria. Beliau dikenali sebagai seorang mufti yang sangat berani dan lantang menyuarakan pendirian secara tegas. Sepanjang hayat beliau, agama Islam, Institusi Raja Melayu, orang Melayu, kedudukan dan pencapaian ummah dari sudut pendidikan dan ilmu, taraf sosial dan kemajuan ekonomi, perpaduan dan penguasaan politik, merupakan tema-tema yang sangat dekat dengan beliau (Azrul Hakimie, 2021). Justeru itu, makalah ini akan membincangkan tentang pendekatan *wasaṭīyyah* beliau berkaitan perpaduan ummah.

Biodata Ringkas

Tan Sri Dato' Seri (Dr) Haji Harussani bin Haji Zakaria dilahirkan pada 8 April 1939 di Kampung Parit Tok Ngah, Tanjung Piandang, Parit Buntar, Perak Darul Ridzuan. Beliau merupakan anak bongsu kepada pasangan Haji Zakaria bin Haji Osman dan Hajjah Zainab binti Jalaluddin. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Puan Sri Datin Seri Hajah Ainon binti Abdul Ghani dan mempunyai empat orang anak.

Pendidikan awal beliau bermula di Sekolah Melayu Kampung Kedah, Parit Buntar sebelum menyambung pengajian menengah di Anglo Chinese School, Parit Buntar, Perak. Pada usia beliau 17 tahun, beliau menyatakan hasrat untuk keluar dari sekolah aliran Inggeris. Pada tahun 1956 hingga tahun 1959, bermulalah pengajian beliau di Sekolah Idrisiah, Kuala Kangsar, Perak. Seterusnya, pada tahun 1959-1960, beliau menyambung pelajaran di sekolah Agama al-Attas di Johor Bharu. Hal ini disebabkan beliau telah dituduh melaporkan hal mogok yang berlaku sehingga mengakibatkan beberapa orang pelajar telah dibuang sekolah. Beliau pada ketika itu merupakan wakil pelajar untuk berunding dengan pihak mudir yang diwakili oleh Ustaz Nawawi. Kejadian tersebut menyebabkan beliau telah menjadi mangsa tidak puas hati oleh pelajar-pelajar lain. Beliau amat bertuah

menyambung pengajian di sekolah Agama al-Attas kerana tenaga pengajar di sekolah tersebut kebanyakannya berasal dari Hadramaut, Yaman. Di kesempatan itu, beliau mengambil kesempatan daripada tenaga-tenaga pengajar tersebut untuk mendalami bahasa Arab termasuk bertutur dalam bahasa Arab.

Pada tahun 1960 hingga 1964, beliau meneruskan perjuangan menuntut ilmu di Kolej Islam Malaya Klang (KIM), Selangor. Beliau merupakan pelajar yang rajin bertanya dan sering berhujah dengan tenaga pengajar di KIM. Para pelajar lain telah menjadikan beliau sebagai rujukan apabila mereka menghadapi sesuatu masalah dalam pelajaran kerana kepetahanan beliau dalam berhujah. Di sana, beliau mendapat Sijil Tertinggi Kolej (B.A) dan Diploma Pendidikan.

Setelah tamat pengajian beliau di Kolej Islam Malaya Klang (KIM), beliau telah diterima bekerja sebagai penterjemah di Unit Cawangan Khas, Kementerian Dalam Negeri dari tahun 1964 hingga 1967. Kemudian beliau menjawat jawatan sebagai kadi di Jabatan Agama Pulau Pinang pada tahun 1967 hingga 1973. Seterusnya, pada tahun 1968 hingga 1978, beliau menjawat jawatan sebagai pensyarah sambilan di Maktab Perguruan Persekutuan Gelugor, Pulau Pinang dan Sekolah Latihan Pergigian Pulau Pinang pada tahun 1970 hingga 1984. Sepanjang bertugas sebagai pensyarah sambilan, beliau dilantik untuk berkhidmat sebagai kadi besar di Jabatan Agama Pulau Pinang pada tahun 1973 hingga tahun 1985 ekoran khidmat cemerlang beliau sebagai kadi. Setelah itu, beliau mula berkhidmat sebagai Mufti Negeri Perak ke-8 dari tahun 1985 sehingga 2021.

Beliau meninggal dunia pada 30 Mei 2021, enam hari selepas dimasukkan ke ICU setelah dijangkiti COVID-19. Jenazahnya telah disemadikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Melayu Sungai Rapat, Ipoh, Perak.

Konsep *Wasatiyyah*

Dari segi bahasa, kalimah “*wasatiyyah*” adalah *masdar* atau “kata terbitan” dari perkataan “*al-wasat*” yang membawa maksud terbaik dan terpilih (Ibn Manzur, 1993). Dari perkataan “*al-wasat*”, terbit pula perkataan “*al-Awsat*” *isim tafđīl* yang bermaksud sangat adil dan tidak melampau. Allah SWT telah menyebutkan kalimah *wasata* menerusi firmanNnya:

Maksudnya: Dan demikian (pula) Kami telah menjadikan kamu (umat Islam), umat yang adil dan pilihan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu.

(Surah al-Baqarah, 2: 143)

Ayat tersebut bukan sahaja merangkumi maksud keadilan dan tidak melampau, malah juga memberi makna kebaikan, kecemerlangan, keseimbangan, ketauladanan, kepimpinan, kekuatan dan kedudukan pada titik tengah yang menghindari kecenderungan kepada dua arah yang melampau. Contohnya keduniaan yang melupakan kepentingan kehidupan Rohani atau kerohanian yang melupakan kepentingan dunia (Kamal Hassan, 2015).

Ibn Manzur (1993) mendefinisikan “*wasatiyyah*” sebagai kebijakan, pertengahan, keadilan, kebaikan dan perantaraan. Manakala, al-Qaradawi (2011) mendefinisikan “*wasatiyyah*” sebagai pertengahan atau keseimbangan antara dua pihak yang bercanggah dan berlawanan. Hal ini bermaksud tidak ada pihak yang akan bersendirian memberi kesan dan menyingkirkan pihak lawannya, dan tidak ada pihak yang mengambil lebih daripada hak sepatutnya sehingga menafikan hak lawannya. Dalam definisi yang lain, al-Qaradawi menyatakan *wasatiyyah* adalah keseimbangan

dan kesederhanaan dalam sesuatu perkara seperti akidah, ibadah, akhlak, muamalat dan perundangan serta terhindar daripada sifat berlebih-lebihan dan melampau.

Menurut Kamal Hasan (2011), matlamat *wasatiyyah* dalam Islam ialah untuk memperoleh keadilan, moral yang cemerlang, menjauhi sikap yang keterlaluan dan ketidakadilan yang mungkin atau tidak menyebabkan kesusahan dan bebanan yang tidak perlu terhadap diri dan orang lain. Skop *wasatiyyah* ialah gabungan hikmah yang meliputi keadilan, kebaikan, toleransi, kerjasama, menghargai persamaan, menerima kepelbagaiannya budaya atau etnik dan sikap yang optimis. Beliau tidak menafsirkan dan menyamakan *wasatiyyah* dengan kesederhanaan, malah beliau menambah bahawa *wasatiyyah* membawa beberapa maksud seperti keadilan, kecemerlangan dan keseimbangan. Biarpun dalam penulisan beliau menggunakan perkataan *moderation*, tetapi tafsiran beliau terhadap *wasatiyyah* itu tidak sama dengan konsep barat tentang *moderation*.

Tuntasnya, konsep *wasatiyyah* memberi makna yang sangat luas. Ia merupakan keseimbangan dan kesederhanaan melibatkan semua perkara dalam usaha menjadi umat dan masyarakat yang terbaik. Bahkan, konsep *wasatiyyah* ini juga boleh difahami melalui pendekatan yang mulia dan cemerlang. Oleh itu, pendekatan yang sederhana, pertengahan, toleransi, adil, keseimbangan, mulia, cemerlang dan tindakan yang tidak melampau, dapat membangunkan negara yang aman, harmoni, serta sentiasa mendapat rahmat dari Allah S.W.T. Firman Allah S.W.T dalam

Maksudnya: Dan tiadalah Kami mengutus kamu, melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam.

(Surah al-Anbiya', 21: 107)

Ayat ini menunjukkan manifestasi Islam sebagai rahmat buat sekalian alam yang ditunjukkan melalui peranan nabi Muhammad SAW sebagai pesuruh Allah S.W.T. Baginda S.A.W sebagai rahmat bagi seluruh alam dalam ayat ini menjelaskan Allah S.W.T mengutuskan rahmat buat semua makhluk. Baginda S.A.W adalah sebaik-baik contoh dalam menunjukkan tauladan yang baik khususnya melalui perhubungan dengan masyarakat Islam mahupun bukan Islam. Sekiranya setiap masyarakat mengetahui setiap rahmat (kasih sayang) yang ada di sisi Allah S.W.T, nescaya semua manusia tidak akan berputus asa untuk mendapatkannya.

Pendekatan *Wasatiyyah* Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria dalam Perpaduan Ummah

Al-Quran memperingatkan manusia bahawa Allah SWT menyukai perpaduan ummah dan menolak perkara yang membawa kepada perpecahan. Perkara ini dapat dilihat dengan begitu banyak ayat dalam al-Quran menjelaskan tentang kepentingan dalam menjaga hubungan sesama manusia. Sebagai contoh dalam firmanNya:

Maksudnya: Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah SWT, dan janganlah kamu berpecah belah, dan ingatlah akan nikmat Allah SWT kepadamu ketika kamu dahulu (semasa Jahiliyah) bermusuh-musuhan, maka Allah SWT mempersatukan hatimu, lalu menjadilah kamu kerana nikmat Allah SWT, orang-orang yang bersaudara; dan kamu telah berada di tepi jurang neraka, lalu Allah SWT menyelamatkan kamu dari padanya. Demikianlah Allah SWT menerangkan ayat-ayatNya kepadamu, agar kamu mendapat petunjuk.

(Surah al-Baqarah, 2: 103)

Imam al-Qurtubi dalam tafsirnya berkenaan ayat ini menyebut: “Iaitu janganlah kamu berpecah belah dalam agama kamu seperti berpecahnya golongan Yahudi dan Nasrani dalam agama mereka”. Kemudian beliau berkata lagi: “Boleh juga ia membawa erti janganlah kamu berpecah belah dengan mengikuti hawa nafsu dan kehendak-kehendak yang berbeza, dan jadilah bersaudara dalam agama Allah. Maka yang demikian itu akan menghalang kamu dari berpecah belah dan saling bermusuhan” (al Qurtubi, 1999).

Oleh yang demikian, makalah ini menghasilkan beberapa dapatan kajian berkenaan dengan pendekatan *wasatiyyah* Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani dalam perpaduan ummah seperti berikut:

Menghadapi Perbezaan Pandangan

Perkara ini merupakan perkara biasa yang sering berlaku dalam membincang dan membahaskan isu-isu baru yang melanda umat Islam atau membincangkan perkara-perkara yang berada dalam ruang lingkup yang boleh dilakukan ijihad. Ibn ‘Abd al-Bar melaporkan, al-Qasim bin Muhammad, salah seorang ulama fiqh yang tujuh di Madinah, pernah mengungkapkan: “Saya merasa takjub dengan kata-kata ‘Umar bin Abd al-‘Aziz. Saya tidak suka para sahabat tidak berbeza pendapat (dalam perkara cabang fiqah). Kerana jika mereka sepakat di atas satu-satu pendapat, sudah tentu orang ramai akan berada dalam kesempitan. Mereka adalah imam-imam yang diikuti oleh umat. Sekiranya seseorang berpegang dengan pendapat salah seorang daripada mereka, sudah tentu akan menimbulkan keluasan” (Ibn ‘Abd al-Bar, t.t).

Dalam satu kenyataan Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani, selepas merasmikan Perhimpunan Melayu Perak anjuran Gagasan Melayu Perak menyatakan beliau tidak pernah berputus asa demi mengekalkan kebaikan dan perpaduan umat Islam di negara ini, khususnya antara parti Umno dan PAS. Katanya lagi, sekiranya umat Islam hanya setakat berbeza pendapat, ia merupakan rahmat kerana perbezaan itu boleh membawa kepada kemajuan. Namun kini umat Islam bukan sahaja berbeza pendapat malah berpecah belah yang akhirnya boleh membawa kepada kehancuran mereka (Malaysiakini, 2010). Beliau terus berhasrat untuk menyatupadukan orang Islam dan Melayu di negara ini walaupun terdapat pihak yang tidak menyenangi usaha beliau. Pada pandangan beliau, tujuan utama yang perlu dilihat adalah agama dan perpaduan umat dalam membawa ke arah kebaikan. Beliau juga berpandangan perpaduan umat Melayu bermakna perpaduan umat Islam di Malaysia.

Bagi beliau, *siyasah* atau politik adalah sebahagian dari Islam. Parti politik pula wujud hasil dari pemikiran dan pendekatan yang berbeza dalam *siyasah* atau politik. Contohnya PAS dan UMNO dilihat sebagai dua parti besar yang mewakili umat Melayu di Malaysia. Kedua-duanya menyatakan memperjuang bangsa Islam dan Melayu dengan mempunyai hujah dan dalil yang tersendiri. Oleh kerana itu, beliau berpendapat selagi parti itu mewakili gaya pendekatan dan pemikiran yang tidak bertentangan prinsip syariat, maka tiada siapa yang berhak mendakwa ia memiliki kebenaran mutlak. Mereka mungkin benar dan mungkin salah (Kamarudin & Nurul Athirah, t.t). Perpaduan bukan bermaksud membubarkan parti dengan masuk parti yang lain tetapi perbezaan dalam beberapa aspek tidak menyebabkan penolakan terhadap kesatuan dan kebersamaan dalam memperjuangkan Islam dan Melayu.

Jelaslah bahawa, pendekatan beliau dalam menghadapi perbezaan ialah memfokuskan kepada titik persamaan sebelum membincangkan perbezaan. Beliau juga menyarankan setiap orang untuk menghormati hak setiap individu yang mempunyai pandangan tersendiri di samping bersikap terbuka dalam menerima pandangan yang berbeza dan bersedia untuk membuat perubahan jika wujud

keperluan. Pada akhirnya, perbezaan pandangan yang berlaku dapat ditangani dengan cara yang harmoni dan kondusif.

Mengutamakan Proses *Muzakarah* (Perbincangan) Berbanding *Mujadalah* (Berdebat) dalam Soal Perpaduan Ummah

Dalam bahasa Arab, muzakarah (مذاكره) diambil daripada kalimah “ذَاكِرٌ – مُذَاكِرٌ” yang memberi maksud saling bermuzakarah dan berbincang pada perkara sesuatu dengan mendalam. Mengikut Lisan al-'Arab, berbincang sesuatu dan melumati dalam perbincangan tersebut (Ibn Manzur, 1993). Manakala, menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, muzakarah bermaksud perbincangan atau pertukaran pendapat tentang sesuatu masalah dan sebagainya (Baharom, N., 2010).

Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani pernah diminta untuk mengulas tentang cabaran Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat kepada Datuk Seri Najib Tun Razak untuk berdebat secara terbuka. Pandangan beliau pada ketika itu adalah lebih mengutamakan proses *muzakarah* berbanding *mujadalah* dalam soal perpaduan ummah. Nemun begitu, beliau tidak menolak anjuran Islam dalam perdebatan untuk berhujah dan berhadapan dengan individu atau kumpulan bukan Islam, khususnya dalam soal berkaitan akidah sepertimana ketika Nabi Musa A.S. berhadapan dengan Firaun (Mstar, 2009). Jika diamati, pandangan beliau ini adalah untuk mencari titik pertemuan dalam soal perpaduan ummah. Bahkan, beliau turut menyatakan jika hendak berbincang soal polisi tiada masalah untuk diadakan mujadalah tersebut.

Cadangan beliau bertujuan untuk bertukar-tukar fikiran dan pendapat, menyelesaikan masalah berbangkit, membuat keputusan, memberikan maklumat serta mendapatkan maklumat daripada pelbagai pihak bagi menjaga hubungan dalam masyarakat melalui pertemuan tersebut. Pandangan beliau ini mungkin tidak menemui penyelesaian paling praktikal, namun dengan perbincangan kolektif, sudah pasti keputusan yang diperoleh menghampiri perkara yang paling baik untuk perpaduan ummah.

Konklusinya, pendekatan beliau lebih mengutamakan perbincangan berbanding perdebatan kerana matlamat beliau adalah untuk setiap individu memahami pandangan dan perspektif pihak lain dalam mencapai pemahaman bersama. Melalui kaedah perbincangan akan mewujudkan suasana saling menghormati dan penerimaan pandangan yang berbeza serta menggalakan suasana yang lebih harmoni. Di samping itu, melalui perbincangan akan mengurangkan kemungkinan timbulnya konflik dan polarisasi serta memudahkan untuk mencapai penyelesaian bagi sesuatu konflik dengan lebih berkesan.

Interaksi Sosial dalam Masyarakat yang Berbilang Kaum melalui Pendidikan

Perkara ini dapat dilihat melalui pandangan beliau tentang isu pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC). Pendidikan merupakan dasar yang membina keharmonian negara dalam pembentukan perpaduan kaum. Dalam satu wawancara, Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani menyifatkan tindakan kerajaan untuk mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersama (UEC) sebagai merosakkan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang sedia ada (Mohd Hafizee, 2018). Mengulas lebih lanjut tentang perkara ini, beliau menyatakan bahwasanya Pengiktirafan UEC akan merungkai atas perpaduan kaum yang berpaksikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan. Tambahannya lagi, beliau tidak bersetuju sekiranya UEC diiktiraf kerana akan membuka ruang yang cukup besar kepada kaum lain dengan menimbulkan semangat perkauman, sekali gus boleh merosakkan suasana harmoni yang sudah sekian lama wujud di negara ini,

Pandangan beliau tidak bersetuju tentang pengiktirafan ini bukan menunjukkan sikap prejedis kepada mana-mana kaum tetapi lebih difahami dalam konteks satu penghormatan dalam mempertahankan sistem sebuah negara. Isu yang dimainkan ini juga lebih kepada memperjuangkan pendirian politik masing-masing tanpa melihat kesan yang berlaku kepada sejarah, keharmonian dalam berbilang kaum dan ketamadunan sesebuah negara. Pada hakikatnya, melalui satu sistem pendidikan di Malaysia dapat memupuk nilai dan jati diri masyarakat yang berbilang kaum dalam sistem sesebuah negara.

Selain itu, beliau dalam kenyataan lain berkata Dasar Pendidikan sedia ada sudah terbukti mampu memacu pembangunan negara ke arah kebaikan selaras dengan sistem pendidikan negara yang berasaskan perpaduan kaum dan pembinaan negara bangsa. Kerajaan perlu mengambil kira maslahat umum, silibus, dasar, polisi dan akta sedia ada serta pandangan pakar dan tokoh negarawan berkaitan dalam setiap perancangan dasar baharu, bukannya sekadar menerima cadangan dan terus melaksanakannya tanpa melihat kesan dan akibat dasar terbabit. Katanya lagi, sekiranya UEC diiktiraf, ia akan membuka ruang yang cukup besar kepada kaum-kaum lain untuk turut sama menimbulkan semangat perkauman sekali gus boleh merosakkan suasana harmoni yang sudah sekian lama wujud di negara ini (Mohd Hafizee, 2018). Beliau juga tidak bersetuju dengan pendirian ahli politik menjadikan pengiktirafan UEC sebagai satu janji pilihan raya dan sewajarnya tidak perlu ditunaikan apabila boleh membawa kemudarat dan merugikan semua pihak dalam negara ini.

Pandangan beliau ini menunjukkan ketegasan dalam menegakkan keadilan untuk memelihara Dasar Pendidikan Kebangsaan dan perpaduan antara kaum bagi mengelakkan masa depan yang lebih meruncing serta mengancam usaha pembinaan negara yang harmoni. Pendekatan *wasaṭīyyah* beliau dapat dilihat dengan keputusannya yang tidak bersetuju dalam menjaga kestabilan dan kesederhanaan suhu politik yang tidak menjadikan masyarakat Melayu yang majoriti merasa tertindas pada masa yang sama mengekalkan kontrak sosial yang telah ditandatangani hasil persetujuan dicapai sebelum merdeka dalam kalangan pemimpin Melayu, Cina dan India. Kontrak sosial ialah persetujuan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, bukan hanya pemimpin atau kumpulan elit tertentu yang wujud hasil daripada adanya toleransi dalam interaksi sosial.

Pendekatan *wasaṭīyyah* di sini boleh dilihat melalui sistem pendidikan yang menekankan toleransi dan keseimbangan dalam masyarakat yang berbilang kaum. Sebagai contoh, pengajaran subjek sejarah yang selaras dengan dimasukkan topik berkenaan sumbangan pelbagai agama dan kaum dalam pembangunan negara. Perkara ini dapat membantu pelajar menghargai kepelbagai dan peranan semua kaum dalam membentuk masyarakat. Pembentukan jati diri juga dapat diterapkan dan boleh melahirkan individu yang mampu berinteraksi dengan baik dalam masyarakat yang berbilang kaum serta membina rasa kebersamaan. Justeru, *wasaṭīyyah* melalui pendidikan akan melahirkan masyarakat yang harmoni dan setiap individu mampu berinteraksi secara positif antara satu sama lain tanpa mengira perbezaan yang ada. Perkara ini merupakan salah satu usaha dan perjuangan beliau dalam menjaga hubungan masyarakat di Malaysia yang berbilang kaum.

Paradigma Ilmu Dakwah Semasa

Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani pernah menyatakan kebimbangan beliau terhadap aliran dakwah semasa yang dilihat lebih menjurus kepada menjadi penglipur lara dan begitu mudah mengeluarkan 'hukum' yang kadang kala tidak memenuhi kehendak syarak (BH Online, 2015). Aliran dakwah merupakan salah satu perkara yang amat penting dalam menjaga keharmonian dalam masyarakat. Penetapan sesuatu fatwa adalah untuk menyeragamkan proses pengeluaran hukum atau

fatwa. Seharusnya setiap pendakwah perlu mengikuti peraturan berdakwah dengan tidak menyangkal fatwa yang sudah diputuskan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan atau institusi fatwa negeri yang diiktiraf di negara ini. Antara teguran yang diberikan oleh beliau adalah:

- a) Nyanyian dan alunan lagu yang dikumandangkan ada kalanya sehingga tahap seolah-olah lagu itu menjadi keutamaan ketika berceramah.
- b) Kecenderungan menyelit unsur humor dan lawak berlebihan dalam dakwah sehingga penceramah tertentu lebih dikenali dengan lawaknya berbanding ilmu disampaikan.
- c) Pendakwah mengambil pendekatan tidak menghormati fatwa yang telah dikeluarkan oleh pihak berautoriti dengan mengeluarkan kenyataan menyanggahi fatwa.
- d) Tidak cermat dalam mentafsirkan al-Quran dan cuai dalam menaqalkan (meriwayatkan) hadis sehingga mencampur adukkan antara riwayat sahih dan tidak sahih.
- e) Kandungan ceramah yang mempunyai kisah yang tidak masuk akal.

Menyangkal pandangan fatwa yang sudah diputuskan akan menyebabkan masyarakat berbelah bahgi dan boleh menimbulkan suasana tidak tenang dalam kalangan masyarakat, Teguran beliau menunjukkan sifat berhati-hati dan meletakkan keseimbangan dalam menunaikan tanggungjawab sebagai pendakwah. Sebagai seorang pendakwah menjadikan dirinya sebagai contoh dalam menunaikan peranannya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Maksudnya: Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah SWT, serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: "Sesungguhnya aku adalah daripada orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah).

(Surah Fussilat, 41: 33)

Melalui ayat di atas boleh disimpulkan bahawa sifat yang perlu ada bagi seorang pendakwah adalah merasakan pentingnya tugas dakwah dan tingginya nilai dakwah itu. Al-Maraghi (1946) dalam tafsirnya, menyatakan bahawa tidak ada seorang pun yang lebih baik daripada orang yang mempunyai tiga sifat seperti berikut:

- a) Menyeru manusia supaya mengesakan Allah SWT dan mematuhi segala perintahnya.
- b) Mengerjakan amalan yang baik, seperti melaksanakan amalan ketaatan dan meninggalkan perkara yang diharamkan.
- c) Menerima Islam sebagai agamanya dan ikhlas kepada Tuhan yang seperti ungkapan seseorang: "Inilah pegangan dan kepercayaan yang benar" (al Maraghi, 1946).

Konsep *wasaṭīyyah* menerima apapun perkara yang membawa kebaikan tetapi masih mempunyai saringan dalam meletakkan sesuatu perbuatan itu tidak berlebihan dan masih selari dengan prinsip-prinsip ajaran Islam.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, pendekatan *wasaṭīyyah* Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria dalam perpaduan ummah bersifat komprehensif dan holistik yang menekankan sikap serta amalan agama yang tidak melampau atau bersifat ekstrim. Pendekatan *wasaṭīyyah* yang dibawa oleh beliau sangat penting dalam menjaga perpaduan ummah di Malaysia kerana membantu masyarakat yang berlainan fahaman dan agama berinteraksi antara satu sama lain dalam memahami budaya serta

kepercayaan yang berbeza di Malaysia. Tambahan pula, isu-isu sensitiviti berkaitan keagamaan yang semakin meruncing di Malaysia memerlukan semua pihak untuk bermuhasabah agar lebih teliti dan tidak terburu-buru dalam melakukan tindakan yang tidak berhemah seterusnya pada akhirnya akan merugikan hubungan dalam masyarakat yang telah dibina.

Rujukan

- Al- Qurtubī, M. (1999), *Tafsir al-Qurtubi: Al-Jami li-Ahkam al-Quran*, Kaherah: Dar wa Matabi' al-Sha'ab.
- Al-Maraghi, A. M. (1946), *Tafsir Al-Maraghi*, Kaherah: Mustafa al-Bab al-Halabi.
- Al-Qaradawi, Y. (2011), *Kalimat fi al-Wasatiyyah al Islamiyyah wa Ma'alimiha*, Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Azrul Hakimie (June 11, 2021), *Allahyarham Harussani Sempurnakan Tanggungjawab Sebar Syiar Islam Tanpa Jemu*, Media Isma Sdn Bhd. Pautan: <https://ismaweb.net/2021/06/11/allahyarham-harussani-sempurnakan-tanggungjawab-sebar-syiar-islam-tanpa-jemu/>
- Baharom, N. (2010). *Kamus Dewan, Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dawama Sdn Bhd.
- BH Online (12 Mac 2015), *Mufti Perak Bimbang Aliran Dakwah Bentuk Penglipur Lara*, Pautan: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2015/03/40349/mufti-perak-bimbang-aliran-dakwah-bentuk-penglipur-lara>.
- Harussani Zakaria, (2015), *Perpaduan Ummah dan Kepentingannya Dari Perspektif Ulama*, Selangor: Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia.
- Harussani Zakaria, (2022), Memoir Harussani Zakaria: Dia Akan Jadi Mufti, Sintok: UUM Press.
- Ibn Manzur. (1993), *Lisan al-'Arab*, al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Kamal Hasan, M. (2011), *Voice of Islamic Moderation From the Malay World*. Ipoh: EMIR.
- Kamal Hasan, M. (2015), *Ikatan Akidah Tauhid Asas Penyatuan Ummah dan Rekonstruksi Peradaban Wasatiyyah Rantau Asean*, Petaling Jaya: Rabitah Antarabangsa Alumni al Azhar Malaysia.
- Kamarudin, S. & Nurul Athirah, M. A. (t.t), *Pemikiran Islam (Allahyarham) Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Bin Haji Zakaria*, Selangor: UKM.
- Malaysiakini (17 Julai 2010), *Harussani: Umno, PAS Memang Nak Bersatu*, Pautan: <https://www.malaysiakini.com/news/137618>
- Mohd Anuar, R., Muhammad Izzul Syahmi, Z., Rahimin Affandi, A. R., Muhd Imran A. R., Mohamad Naqib, H. & Syamsul Azizul, M. (2018). Isu-isu sensitif dalam masyarakat majmuk di Malaysia Pasca Pilihanraya Umum (PRU14): Aplikasi pendekatan kesederhanaan. dlm. Mohd Roslan Mohd Noor (Ed.). *Penyelidikan Serantau Islam dan Alam Melayu: Pendidikan, Kewangan, Kehartaan dan Isu Kontemporari*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohd Hafizee, M. A. (25 Julai 2018), *UEC Rosakkan Dasar Pendidikan Kebangsaan – Harussani*, Pautan: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/07/453821/uec-rosakkan-dasar-pendidikan-kebangsaan-harussani>.

Mstar, (29 Jun 2009), *Islam Utamakan Muzakarah Berbanding Debat*, Pautan: <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2009/06/29/islam-utamakan-muzakarah-berbanding-debat--harussani>.

Noor Shakil, H. (t.t), *Jangan Biar Ketaksuhan Politik Lerai Ikatan Perpaduan Ummah*, Berita Harian. Pautan: <http://psasir.upm.edu.my/scan0003>, Universiti Putra Malaysia Institutional Repository.